

# Murid Orang Asli cemerlang SPM

KOSMO ONLINE (13/06/2021) M15 14

**PUTRAJAYA** – Dua murid Orang Asli dari Pahang berjaya meraih keputusan cemerlang 9A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 yang diumumkan Khamis lalu.

Timbalan Menteri 1 Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, murid berkenaan adalah Juniza Ellyana a/p Teo Sea Huang dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rompin, Pahang dan Rozainizam a/l Azizan dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Muadzam Shah, Pahang.

Beliau berkata, secara keseluruhan, seramai 93 murid Orang Asli telah memperoleh keputu-

san cemerlang bagi peperiksaan SPM 2020.

“Seramai 90 murid Orang Asli lain mencatat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM ini dengan lapan mencatat keputusan 8A, 7A (10) dan 6A (8).

“Selebihnya, 31 orang mencatat keputusan 5A serta 34 orang (4A) menjadikan jumlah keseluruhan murid Orang Asli cemerlang peperiksaan SPM tahun 2020 adalah seramai 93 orang,” jelasnya menerusi kenyataan akhbar di sini semalam.

Abdul Rahman berkata, keputusan itu membanggakan pihaknya selaku kementerian yang bertanggungjawab dalam

pembangunan modal insan masyarakat Orang Asli melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako).

Katanya lagi, kementerian telah menyediakan peruntukan untuk membantu pendidikan murid Orang Asli melalui bantuan wang saku, pengangkutan, peralatan sekolah, pakaian sekolah serta bantuan-bantuan lain dengan harapan murid-murid Orang Asli lebih bersemangat untuk mengubah nasib mereka melalui pendidikan.

“Kejayaan murid Orang Asli ini hasil kerja keras daripada murid-murid, ibu bapa dan guru-guru.

“Tidak lupa juga Jakoa yang



**JUNIZA ELLYANA** menunjukkan slip keputusan SPM 9A yang diterimanya baru-baru ini.

turut bersama-sama berganding bahu dengan menyediakan pelbagai jenis bantuan serta program-



**ROHAINIZAM** dari MRSM Muadzam Shah turut memperoleh 9A dalam SPM 2020.

program kecemerlangan pendidikan yang dapat mendorong murid untuk bersaing,” katanya.